

23 JAN 2003

Mahathir-Mufti

UCAPAN DR MAHATHIR DI AL AZHAR TEPAT UNTUK SEDARKAN UMAT ISLAM, KATA ULAMA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 23 Jan (Bernama) -- Dua ulama Malaysia yang mengikuti lawatan kerja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mesir berkata perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya di Universiti Al Azhar sememangnya relevan dengan usaha mengembalikan semula maruah umat Islam.

Mufti Johor Datuk Nooh Gadot berkata aspek perpaduan ummah yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir menjadi kunci kepada kekuatan umat Islam.

"Tidak ada erti pembangunan daripada segi lain kalau perpaduan di kalangan umat Islam itu tidak dapat dijelmakan," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan itu.

Dr Mahathir menyuarakan antara lainnya, pandangan yang agak kritikal terhadap sikap umat Islam yang mengabaikan ajaran agama sehingga mereka menjadi lemah dan berpecah-belah.

Beliau turut menyelar tindakan sesetengah umat Islam yang berkompromi dengan musuh Islam sehingga sanggup memerangi saudara seagama.

Nooh berkata sememangnya apa yang diperkatakan oleh Dr Mahathir itu sukar untuk ditelan tetapi hakikatnya ialah keberanian Perdana Menteri mengutarakannya mencerminkan keprihatinan beliau tentang masa depan ummah.

Timbalan Mufti Kelantan Datuk Shukri Mohamad berkata apa yang dinyatakan oleh Dr Mahathir dalam ucapannya itu memang menjadi tuntutan agama.

"Dan kalau kita sentiasa membuat semakan terhadap kelemahan diri sendiri terutamanya berhubung kefahaman agama itu sendiri, kalau kita dapat perbetulkan balik yang ini, umat Islam akan kembali kuat," katanya.

Beliau turut ditanya tentang kandungan ucapan Dr Mahathir yang menyentuh sebuah parti politik di Malaysia yang berjaya mempengaruhi pengikutnya supaya percaya bahawa sesiapa yang tidak menyokong parti berkenaan, orang itu bukan Islam.

"Itu hanya sebagai contoh sahaja. Tetapi sebenarnya di seluruh dunia Islam, ada elemen-elemen macam apa yang berlaku di Malaysia. Walaupun nampak macam tempatan, tapi isu itu ialah isu dunia," kata Shukri.

-- BERNAMA

MAM MAI